



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 54  
No. 17

**26hb Ogos 2010**

*TAMBAHAN No. 91  
PERUNDANGAN (A)*

---

---

**P.U. (A) 286.**

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967  
DAN  
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN REPUBLIK SEYCHELLES)  
(PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Seychelles) (Pindaan) 2010**.

**Pelepasan cukai dua kali**

2. Diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Seychelles dengan tujuan meminda perkiraan yang terdahulu yang memberikan pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Republik Seychelles (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat bahawa perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL  
(Perenggan 2)

**PROTOKOL  
MEMINDA PERJANJIAN  
ANTARA  
KERAJAAN MALAYSIA DENGAN  
KERAJAAN REPUBLIK SEYCHELLES  
BAGI PENGELAKAN PENCUKAIAN DUA KALI  
DAN  
PENCEGAHAN PELARIAN FISKAL  
BERKENAAN DENGAN CUKAI ATAS PENDAPATAN  
YANG DITANDATANGANI DI PUTRAJAYA PADA  
3 DISEMBER 2003**

**KERAJAAN MALAYSIA**

**DAN**

**KERAJAAN REPUBLIK SEYCHELLES**

BERHASRAT untuk meminda Perjanjian antara kedua-dua Kerajaan bagi Pengelakan Pencukaaian Dua Kali dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai atas Pendapatan, yang ditandatangani di Putrajaya pada 3 Disember 2003 (kemudian daripada ini disebut "Perjanjian"), telah bersetuju seperti yang berikut:

**Perkara 1**

Perkara 26 Perjanjian hendaklah dipotong dan digantikan dengan yang berikut:

**"Perkara 26**

**PERTUKARAN MAKLUMAT**

1. Pihak berkuasa berwibawa Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar apa-apa maklumat yang dijangkakan berkaitan bagi menjalankan peruntukan Perjanjian ini atau dengan pentadbiran atau penguatkuasaan undang-undang domestik berkenaan dengan cukai yang terkandung dalam Perjanjian ini setakat yang pencukaaian di bawahnya tidak bertentangan dengan Perjanjian. Pertukaran maklumat tidak disekat oleh Perkara 1.
2. Apa-apa maklumat yang diterima oleh suatu Negara Pejanji di bawah perenggan 1 hendaklah dianggap sebagai rahsia mengikut cara yang sama sebagaimana maklumat yang didapati di bawah undang-undang domestik Negara itu dan hendaklah dizahirkan hanya kepada orang atau pihak berkuasa (termasuk mahkamah dan badan pentadbiran) yang terlibat dengan penaksiran atau pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan pemutusan rayuan berhubungan dengan cukai yang disebut dalam

perenggan 1, atau pengawasan tentang di atas. Orang atau pihak berkuasa itu hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud sedemikian. Mereka boleh menzahirkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman.

3. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidak sekali-kali dalam apa jua hal boleh ditafsirkan sebagai mengenakan obligasi ke atas suatu Negara Pejanji:
  - (a) untuk menjalankan langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
  - (b) untuk membekalkan maklumat yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
  - (c) untuk membekalkan maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional atau proses perdagangan, atau maklumat yang penzahirannya akan bertentangan dengan dasar awam (*ordre public*).
4. Jika maklumat yang diminta oleh suatu Negara Pejanji mengikut Perkara ini, Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah menggunakan langkah-langkah pengumpulan maklumatnya untuk mendapatkan maklumat yang diminta, walaupun Negara yang satu lagi itu tidak memerlukan maklumat itu bagi maksud pencukaiannya sendiri. Obligasi yang terkandung dalam ayat yang terdahulu adalah tertakluk kepada pengehadan dalam perenggan 3 tetapi pengehadan itu tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan membekalkan maklumat hanya kerana ia tiada kepentingan domestik mengenai maklumat itu.
5. Peruntukan perenggan 3 tidak sekali-kali dalam apa jua hal boleh ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan membekalkan maklumat hanya kerana maklumat itu dipegang oleh bank, institusi kewangan yang lain, penama atau seseorang yang bertindak atas sifat agensi atau fidusiari atau kerana ia berkaitan dengan kepentingan pemunyaan seseorang.
6. Rekod perbankan akan bertukar-tukar hanya atas permintaan. Jika permintaan itu tidak mengenal pasti kedua-dua pembayar cukai dan bank atau institusi kewangan secara khusus, pihak berkuasa berwajib Negara yang diminta boleh menolak untuk mendapatkan apa-apa maklumat yang belum dimiliki olehnya.
7. Pihak berkuasa berwajib Negara Pejanji hendaklah bersetuju dengan cara pemakaian Perkara ini.”

## Perkara 2

1. Setiap Negara Pejanji hendaklah memberitahu yang satu lagi melalui saluran diplomatik, akan penyempurnaan tatacara yang dikehendaki oleh undang-undangnya bagi menguatkuasakan Protokol ini yang menjadi suatu bahagian penting Perjanjian. Protokol ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pemberitahuan yang terkemudian, dan peruntukannya hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh pencukaian bermula pada atau selepas 1 Januari 2010.

2. Protokol ini hendaklah terhenti daripada berkuat kuasa apabila tiba waktu bilamana Perjanjian tamat berkuat kuasa mengikut Perkara 29 Perjanjian.

PADA MENYAKSIKAN HAL YANG TERSEBUT DI ATAS, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

DIBUAT dalam dua salinan di **Victoria, Seychelles** pada **22 haribulan Disember 2009** dalam bahasa Melayu dan Inggeris, kesemua teks adalah sama sahinya. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian pentafsiran dan pemakaian Protokol ini, antara mana-mana teks, teks bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

BAGI PIHAK  
KERAJAAN MALAYSIA

BAGI PIHAK  
KERAJAAN REPUBLIK SEYCHELLES

Dibuat 12 Ogos 2010

[Perb: 0.6869/93 Vol. 2 (SK. 1); PN(PU<sup>2</sup>)80A/XV]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967]*

INCOME TAX ACT 1967  
AND  
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE GOVERNMENT OF THE REPUBLIC OF SEYCHELLES)  
(AMENDMENT) ORDER 2010

IN exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] and subsection 65A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [Act 543], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Government of the Republic of Seychelles) (Amendment) Order 2010**.

**Double taxation relief**

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of the Republic

of Seychelles with a view of amending the previous arrangements affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and the Republic of Seychelles tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE  
(Paragraph 2)

**PROTOCOL  
AMENDING THE AGREEMENT  
BETWEEN  
THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND  
THE GOVERNMENT OF THE REPUBLIC OF SEYCHELLES  
FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION  
AND  
THE PREVENTION OF FISCAL EVASION  
WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME  
SIGNED AT PUTRAJAYA ON 3 DECEMBER 2003**

**THE GOVERNMENT OF MALAYSIA**

**AND**

**THE GOVERNMENT OF THE REPUBLIC OF SEYCHELLES**

DESIRING to amend the Agreement between the two Governments for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with respect to Taxes on Income, signed at Putrajaya on 3 December 2003 (hereinafter referred to as “the Agreement”), have agreed as follows:

**Article 1**

Article 26 of the Agreement shall be deleted and replaced by the following:

**“Article 26**

**EXCHANGE OF INFORMATION**

1. The competent authorities of the Contracting States shall exchange such information as is foreseeably relevant for carrying out the provisions of this Agreement or to the administration or enforcement of the domestic laws concerning taxes covered by this Agreement insofar as the taxation thereunder is not contrary to the Agreement. The exchange of information is not restricted by Article 1.
2. Any information received under paragraph 1 by a Contracting State shall be treated as secret in the same manner as information obtained under the domestic laws of that State and shall be disclosed only to persons or authorities (including courts and administrative bodies) concerned with

the assessment or collection of, the enforcement or prosecution in respect of, the determination of appeals in relation to the taxes referred to in paragraph 1, or the oversight of the above. Such persons or authorities shall use the information only for such purposes. They may disclose the information in public court proceedings or in judicial decisions.

3. In no case shall the provisions of paragraphs 1 and 2 be construed so as to impose on a Contracting State the obligation:
  - (a) to carry out administrative measures at variance with the laws and administrative practice of that or of the other Contracting State;
  - (b) to supply information which is not obtainable under the laws or in the normal course of the administration of that or of the other Contracting State;
  - (c) to supply information which would disclose any trade, business, industrial, commercial or professional secret or trade process, or information, the disclosure of which would be contrary to public policy (*ordre public*).
4. If information is requested by a Contracting State in accordance with this Article, the other Contracting State shall use its information gathering measures to obtain the requested information, even though that other State may not need such information for its own tax purposes. The obligation contained in the preceding sentence is subject to the limitations of paragraph 3 but in no case shall such limitations be construed to permit a Contracting State to decline to supply information solely because it has no domestic interest in such information.
5. In no case shall the provisions of paragraph 3 be construed to permit a Contracting State to decline to supply information solely because the information is held by a bank, other financial institution, nominee or person acting in an agency or a fiduciary capacity or because it relates to ownership interests in a person.
6. Banking records will be exchanged only upon request. If the request does not identify both a specific taxpayer and a specific bank or financial institution, the competent authority of the requested State may decline to obtain any information that it does not already possess.
7. The competent authorities of the Contracting States shall agree upon the mode of application of this Article.”.

## Article 2

1. Each of the Contracting States shall notify the other through diplomatic channels, the completion of the procedures required by its law for the bringing into force of this Protocol which shall form an integral part of the Agreement. This Protocol shall enter into force on the date of the later of these notifications, and its provisions shall have effect for taxable periods beginning on or after 1 January 2010.

2. This Protocol shall cease to be effective at such time as the Agreement ceases to be effective in accordance with Article 29 of the Agreement.

IN WITNESS whereof, the undersigned, being duly authorised thereto by their respective Governments, have signed this Protocol.

DONE in duplicate at **Victoria, Seychelles** on this **22 day of December 2009** in the Malay and the English languages, all texts being equally authentic. In the event of any divergence of interpretation and the application of this Protocol, between any of the texts, the English text shall prevail.

FOR THE GOVERNMENT OF  
MALAYSIA

FOR THE GOVERNMENT OF  
THE REPUBLIC OF SEYCHELLES

Made 12 August 2010

[Perb: 0.6869/93 Vol. 3 (SK. 1); PN(PU<sup>2</sup>)80A/XV]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967]*

**P.U. (A) 287.**

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967  
DAN  
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN NEGARA KUWAIT)  
(PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Negara Kuwait) (Pindaan) 2010**.

**Pelepasan cukai dua kali**

2. Diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara Kuwait dengan tujuan meminda perkiraan yang terdahulu yang memberikan pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Kuwait (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat bahawa perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL  
(Perenggan 2)

**PROTOKOL MEMINDA PERJANJIAN  
ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN  
NEGARA KUWAIT  
BAGI MENGELAKKAN PENCUKAIAN DUA KALI  
DAN MENCEGAH  
PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI KE ATAS  
PENDAPATAN DAN BAGI MENERATKAN  
PERHUBUNGAN EKONOMI  
YANG DITANDATANGANI DI KUWAIT PADA 5 FEBRUARI 2003**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negara Kuwait berhasrat untuk meminda Perjanjian antara kedua-dua Kerajaan bagi Mengelakkan Pencukaian Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal berkenaan dengan Cukai ke atas Pendapatan dan bagi mengeratkan perhubungan ekonomi, yang ditandatangani di Kuwait pada 5 Februari 2003 (kemudian daripada ini disebut “Perjanjian”), telah bersetuju seperti yang berikut:

**Perkara 1**

Perkara 26 Perjanjian hendaklah dipotong dan digantikan dengan yang berikut:

**“Perkara 26**

**PERTUKARAN MAKLUMAT**

1. Pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji hendaklah bertukar-tukar apa-apa maklumat yang dijangkakan berkaitan bagi menjalankan peruntukan Perjanjian ini atau dengan pentadbiran atau penguatkuasaan undang-undang domestik berkenaan dengan semua jenis cukai yang dikenakan oleh atau bagi pihak Negara Pejanji, setakat yang pencukaian di bawahnya tidak bertentangan dengan Perjanjian. Pertukaran maklumat tidak disekat oleh Perkara 1.
2. Apa-apa maklumat yang diterima oleh suatu Negara Pejanji di bawah perenggan 1 hendaklah dianggap sebagai rahsia mengikut cara yang sama sebagaimana maklumat yang didapati di bawah undang-undang domestik Negara itu dan hendaklah didedahkan hanya kepada orang atau pihak berkuasa (termasuklah mahkamah dan badan pentadbiran) yang terlibat dengan penaksiran atau pemungutan, penguatkuasaan atau pendakwaan berkenaan dengan, pemutusan rayuan berhubung dengan cukai yang disebut dalam perenggan 1, atau pengawasan tentang di atas. Orang atau pihak berkuasa itu hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud sedemikian. Mereka boleh mendedahkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman.



3. Peruntukan perenggan 1 dan 2 tidak sekali-kali dalam apa jua hal boleh ditafsirkan sebagai mengenakan obligasi ke atas suatu Negara Pejanji:
  - (a) untuk menjalankan langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
  - (b) untuk membekalkan maklumat yang tidak boleh didapati di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi;
  - (c) untuk membekalkan maklumat yang akan mendedahkan apa-apa rahsia perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional atau proses perdagangan, atau maklumat yang pendedahannya akan bertentangan dengan polisi awam (*ordre public*).
4. Jika maklumat yang diminta oleh suatu Negara Pejanji mengikut peruntukan Perkara ini, Negara Pejanji yang satu lagi hendaklah menggunakan langkah-langkah pengumpulan maklumatnya untuk mendapatkan maklumat yang diminta, walaupun Negara yang satu lagi itu tidak memerlukan maklumat itu bagi maksud pencukaianya sendiri. Obligasi yang terkandung dalam ayat yang terdahulu adalah tertakluk kepada pengehadan dalam perenggan 3 tetapi pengehadan itu tidak sekali-kali dalam apa jua hal boleh ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan membekalkan maklumat hanya kerana ia tiada kepentingan domestik mengenai maklumat itu.
5. Peruntukan perenggan 3 tidak sekali-kali dalam apa jua hal boleh ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk enggan membekalkan maklumat hanya kerana maklumat itu dipegang oleh bank, institusi kewangan yang lain, penama atau seseorang yang bertindak atas sifat agensi atau fidusiar atau kerana ia berkaitan dengan kepentingan pemunyaan seseorang.”.

## **Perkara 2**

1. Setiap Negara Pejanji hendaklah memberitahu Negara yang satu lagi, melalui saluran diplomatik tentang penyempurnaan prosedur yang dikehendaki oleh undang-undangnya bagi menguatkuasakan Protokol ini yang hendaklah menjadi suatu bahagian penting Perjanjian. Protokol ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang terkemudian daripada pemberitahuan ini, dan peruntukannya hendaklah berkuat kuasa bagi permintaan yang dibuat pada atau selepas tarikh mula berkuat kuasa Protokol ini berkaitan dengan tahun pencukaaian bermula pada atau selepas 1 Januari 2010.
2. Protokol ini hendaklah terhenti daripada berkuat kuasa apabila tiba waktu bilamana Perjanjian terhenti berkuat kuasa mengikut Perkara 30 Perjanjian.

PADA MENYAKSIKAN hal yang tersebut di atas yang bertandatangan di bawah ini, yang telah diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Protokol ini.

DIBUAT di Kuwait dalam dua salinan pada 10 Safar 1431 H bersamaan dengan 25 Januari 2010 dalam bahasa Arab, Melayu dan Inggeris, kesemua teks sama sahnyanya. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian, teks bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

BAGI PIHAK KERAJAAN  
MALAYSIA

BAGI PIHAK KERAJAAN  
NEGARA KUWAIT

Dibuat 18 Ogos 2010  
[Perb: 0.6869/48 Jld. 4 (SK. 1)(1); PN(PU<sup>2</sup>)80A/XV]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967*]

INCOME TAX ACT 1967  
AND  
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF  
(THE GOVERNMENT OF THE STATE OF KUWAIT) (AMENDMENT) ORDER 2010

IN exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] and subsection 65A (1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [*Act 543*], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Government of The State of Kuwait) (Amendment) Order 2010**.

**Double taxation relief**

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with The Government of The State of Kuwait with a view of amending the previous arrangements affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and Kuwait tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE  
(Paragraph 2)

**PROTOCOL AMENDING THE AGREEMENT  
BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE  
GOVERNMENT OF THE STATE OF KUWAIT  
FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE  
PREVENTION  
OF FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME  
AND FOR THE FOSTERING OF ECONOMIC RELATIONS  
SIGNED AT KUWAIT ON 5 FEBRUARY 2003**

The Government of Malaysia and The Government of The State of Kuwait desiring to amend the Agreement between the two Governments for the Avoidance of Double Taxation and the Prevention of Fiscal Evasion with respect to Taxes on Income and for the fostering of economic relations, signed at Kuwait on 5 February 2003 (hereinafter referred to as “the Agreement”), have agreed as follows:

**Article 1**

Article 26 of the Agreement shall be deleted and replaced by the following:

**“Article 26**

**EXCHANGE OF INFORMATION**

1. The competent authorities of the Contracting States shall exchange such information as is foreseeably relevant for carrying out the provisions of this Agreement or to the administration or enforcement of the domestic laws concerning taxes imposed by or on behalf of the Contracting States, insofar as the taxation thereunder is not contrary to the Agreement. The exchange of information is not restricted by Article 1.
2. Any information received under paragraph 1 by a Contracting State shall be treated as secret in the same manner as information obtained under the domestic laws of that State and shall be disclosed only to persons or authorities (including courts and administrative bodies) concerned with the assessment or collection of, the enforcement or prosecution in respect of, the determination of appeals in relation to the taxes referred to in paragraph 1, or the oversight of the above. Such persons or authorities shall use the information only for such purposes. They may disclose the information in public court proceedings or in judicial decisions.
3. In no case shall the provisions of paragraphs 1 and 2 be construed so as to impose on a Contracting State the obligation:
  - (a) to carry out administrative measures at variance with the laws and administrative practice of that or of the other Contracting State;
  - (b) to supply information which is not obtainable under the laws or in the normal course of the administration of that or of the other Contracting State;

- (c) to supply information which would disclose any trade, business, industrial, commercial or professional secret or trade process, or information, the disclosure of which would be contrary to public policy (*ordre public*).
4. If information is requested by a Contracting State in accordance with the provisions of this Article, the other Contracting State shall use its information gathering measures to obtain the requested information, even though that other State may not need such information for its own tax purposes. The obligation contained in the preceding sentence is subject to the limitations of paragraph 3 but in no case shall such limitations be construed to permit a Contracting State to decline to supply information solely because it has no domestic interest in such information.
  5. In no case shall the provisions of paragraph 3 be construed to permit a Contracting State to decline to supply information solely because the information is held by a bank, other financial institution, nominee or person acting in an agency or a fiduciary capacity or because it relates to ownership interests in a person.”.

## Article 2

1. Each of the Contracting States shall notify the other, through diplomatic channels on the completion of the procedures required by its law for the bringing into force of this Protocol which shall form an integral part of the Agreement. This Protocol shall enter into force on the date of the latter of these notifications, and its provisions shall have effect for requests made on or after the date of the entry into force of this Protocol with regard to tax years beginning on or after 1 January 2010.
2. This Protocol shall cease to be effective at such a time as the Agreement ceases to be effective in accordance with Article 30 of that Agreement.

IN WITNESS whereof the undersigned, being duly authorised thereto by their respective Governments, have signed this Protocol.

DONE at Kuwait in duplicate on 10 Safar 1431 H, corresponding to 25 January 2010 in the Arabic, the Malay and the English languages, all texts being equally authentic. In case of divergences, the English text shall prevail.

FOR THE GOVERNMENT OF  
MALAYSIA

FOR THE GOVERNMENT OF  
THE STATE OF KUWAIT

Made 18 August 2010

[Perb: 0.6869/48 Jld. 4 (SK. 1)(1); PN(PU<sup>2</sup>)80A/XV]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967]

**P.U. (A) 288.****AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967****PERATURAN-PERATURAN CUKAI PENDAPATAN (LAYANAN KHAS KE ATAS  
FAEDAH KE ATAS PINJAMAN PERUMAHAN) (PINDAAN) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Ketua Pengarah membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Layanan Khas ke atas Faedah ke atas Pinjaman Perumahan) (Pindaan) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2009 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

**Pindaan peraturan 5**

2. Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Layanan Khas ke atas Faedah ke atas Pinjaman Perumahan) 2009 [*P.U. (A) 109/2009*] dipinda dalam peraturan 5—

(a) dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(a) berhubung dengan individu yang kepadanya suatu pinjaman perumahan diberi—

(i) bahawa individu itu ialah seorang warganegara;

(ii) jika individu itu menjalankan suatu perniagaan, bahawa dia ialah seorang tuan punya tunggal atau seorang pekongsi dalam suatu perkongsian;

(iii) dalam hal individu di bawah suatu penggajian—

(A) bahawa pendapatan bulannya telah dikurangkan kerana dipotong gaji atau bilangan hari bekerjanya dalam sebulan dipendekkan, mulai 1 Julai 2008; atau

(B) bahawa penggajian individu itu atau, dalam hal pinjaman bersama, penggajian isteri atau suami individu itu, telah ditamatkan menurut suatu skim pemisahan atau pemberhentian, pada atau selepas 1 Julai 2008;

(b) berhubung dengan individu yang merupakan seorang penjamin di bawah suatu pinjaman perumahan yang merupakan sumber utama pembayaran balik pinjaman itu, jika penjamin itu di bawah suatu penggajian, bahawa penggajiannya telah ditamatkan menurut suatu skim pemisahan atau pemberhentian pada atau selepas 1 Julai 2008;

- (c) berhubung dengan individu yang disebut dalam subsubperenggan (a)(iii)(B) dan perenggan (b), bahawa penamatan penggajian individu itu telah didaftarkan dengan Ketua Pengarah Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia;
- (d) berhubung dengan suatu pinjaman perumahan, bahawa pinjaman perumahan itu telah diberi kepada—
- (i) individu di bawah suatu penggajian, sebelum penamatan penggajian individu itu; atau
  - (ii) individu yang merupakan seorang tuan punya tunggal atau seorang pekongsi dalam suatu perkongsian, sebelum 10 Mac 2009; dan”;
- (b) dengan menomborkan semula perenggan (c) sebagai perenggan (e).

Dibuat 28 Julai 2010

[Perb. 0.3865/410 (SK. 2); LHDN 01/35/(S)/42/51/231-17.11;  
PN(PU<sup>2</sup>)80/LX]

TAN SRI HASMAH BINTI ABDULLAH  
*Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri*

## INCOME TAX ACT 1967

### INCOME TAX (SPECIAL TREATMENT ON INTEREST ON HOUSING LOAN) (AMENDMENT) REGULATIONS 2010

In exercise of the powers conferred by subsection 36(1) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Director General makes the following order:

#### **Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Income Tax (Special Treatment on Interest on Housing Loan) (Amendment) Regulations 2010**.

(2) These Regulations have effect for the year of assessment 2009 and subsequent years of assessment.

#### **Amendment of regulation 5**

2. Income Tax (Special Treatment on Interest on Housing Loan) Regulations 2009 [*P.U. (A) 109/2009*] is amended in regulation 5—

(a) by substituting for paragraphs (a) and (b) the following paragraphs:

“(a) relating to an individual to whom a housing loan was granted—

(i) that the individual is a citizen;

- (ii) where the individual is carrying on a business, that he is a sole proprietor or a partner in a partnership;
- (iii) in the case of an individual under an employment—
  - (A) that his monthly income has been reduced due to a salary cut or the number of his working days in a month has been shortened, from 1 July 2008; or
  - (B) that the employment of that individual or, in the case of a joint loan, the employment of the individual's spouse, has been terminated pursuant to a separation scheme or retrenchment, on or after 1 July 2008;
- (b) relating to an individual who is a guarantor under a housing loan and who is the primary source for the repayment of such loan, where the guarantor is under an employment, that his employment has been terminated pursuant to a separation scheme or retrenchment on or after 1 July 2008;
- (c) relating to the individual mentioned in subparagraph (a)(iii)(B) and paragraph (b), that the termination of the employment of the individual is registered with the Director General of Labour, Ministry of Human Resources;
- (d) relating to a housing loan, that the housing loan was granted to—
  - (i) an individual under an employment, prior to the termination of the employment of the individual; or
  - (ii) an individual who is a sole proprietor or a partner of a partnership, before 10 March 2009; and”;
- (b) by renumbering paragraph (c) as paragraph (e).

Made 28 July 2010

[Perb. 0.3865/410 (SK. 2); LHDN 01/35/(S)/42/51/231-17.11;

PN(PU<sup>2</sup>)80/LX]

TAN SRI HASMAH BINTI ABDULLAH  
*Director General of Inland Revenue*

**P.U. (A) 289.**

AKTA KASTAM 1967

PERINTAH KASTAM (NILAI-NILAI) (MINYAK MENTAH PETROLEUM)  
(No. 17) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kastam (Nilai-Nilai) (Minyak Mentah Petroleum) (No. 17) 2010** dan hendaklah mula berkuat kuasa bagi tempoh dari 26 Ogos 2010 hingga 8 September 2010.

**Pemungutan dan pembayaran duti kastam**

2. Bagi maksud pemungutan dan pembayaran duti-duti kastam, menurut peruntukan-peruntukan Perintah Duti Kastam 2007 [*P.U. (A) 441/2007*], nilai bagi tiap-tiap satu barang berduti yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual mengikut unitnya yang tersebut dalam ruang (3) hendaklah nilai yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual tersebut.

## CUSTOMS ACT 1967

## CUSTOMS (VALUES) (CRUDE PETROLEUM OIL) (No. 17) ORDER 2010

IN exercise of the powers conferred by section 12 of the Customs Act 1967 [*Act 235*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. This order may be cited as the **Customs (Values) (Crude Petroleum Oil) (No. 17) Order 2010** and shall have effect for the period from 26 August 2010 to 8 September 2010.

**Levy and payment of customs duties**

2. For the purpose of the levy and payment of customs duties, in accordance with the provisions of the Customs Duties Order 2007 [*P.U. (A) 441/2007*], the value of each of dutiable goods specified in columns (1) and (2) of the Schedule in respect of the unit thereof mentioned in column (3) of the Schedule shall be the value specified in column (4) of the said Schedule.

## JADUAL/SCHEDULE

Barang (Goods)	Subkepala (Subheading)	Unit (Unit)	Nilai (Value)
(1)	(2)	(3)	(4)
PETROLEUM OILS AND OILS OBTAINED FROM BITUMINOUS MINERALS, CRUDE:			
Tapis Blend	2709.00.100	per barrel	RM241.38
Labuan Crude	2709.00.100	per barrel	RM241.38
Miri Light Crude	2709.00.100	per barrel	RM241.38
Dulang	2709.00.100	per barrel	RM240.44
Bintulu Crude	2709.00.100	per barrel	RM240.44
Terengganu Condensate	2709.00.900	per barrel	RM237.62



Barang (Goods)	Subkepala (Subheading)	Unit (Unit)	Nilai (Value)
(1)	(2)	(3)	(4)
Bintulu Condensate	2709.00.900	per barrel	RM237.93
Masa	2709.00.100	per barrel	RM235.11
Asam Paya	2709.00.100	per barrel	RM234.33
Kidurong	2709.00.100	per barrel	RM238.40
Penara Blend	2709.00.100	per barrel	RM234.83
Minyak Mentah Fairley Baram	2709.00.100	per barrel	RM229.38
Cakerawala Condensate	2709.00.900	per barrel	RM227.72
Angsi Crude	2709.00.100	per barrel	RM242.32
Cendor Crude	2709.00.100	per barrel	RM247.64
Abu Blend	2709.00.100	per barrel	RM230.73
Kikeh Crude	2709.00.100	per barrel	RM242.69
Bunga Orkid	2709.00.100	per barrel	RM236.37
Bunga Kekwa	2709.00.100	per barrel	RM238.12
Muda Condensate	2709.00.900	per barrel	RM225.25

Dibuat 20 Ogos 2010

*Made 20 August 2010*

[KE. HT(94)819/01-1/Klt. 12/(17); R.9003/54z-40;  
PN(PU<sup>2</sup>)338/VIII/Klt. 6(17)]

Dengan arahan Menteri Kewangan.  
*By direction of the Minister of Finance.*

Bagi pihak dan atas nama Menteri Kewangan/  
*On behalf and in the name of the Minister of Finance*

DATO' SITI HALIMAH BINTI ISMAIL  
*Setiausaha*  
*Bahagian Analisa Cukai*

## P.U. (A) 290.

### AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992

#### PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PELANCONGAN (PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN) (PINDAAN) (No. 2) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) (Pindaan) (No. 2) 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2010.

**Pindaan peraturan 9A**

2. Peraturan 9A Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 [*P.U. (A) 333/1992*] dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan memasukkan selepas perkataan “MATTA” perkataan “atau mana-mana persatuan agensi pelancongan dan pengembaraan lain”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “(MATTA)” perkataan “atau mana-mana persatuan agensi pelancongan dan pengembaraan lain yang diiktiraf oleh Pesuruhjaya”; dan
- (c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “MATTA” dengan perkataan “persatuan yang disebut di bawah subperaturan (1)”.

Dibuat 8 Julai 2010

[KPL/LA(R)9-2/1/J3 (20); PN(PU<sup>2</sup>)510/VII]

DATO' SRI DR. NG YEN YEN  
*Menteri Pelancongan*

**TOURISM INDUSTRY ACT 1992****TOURISM INDUSTRY (TOUR OPERATING BUSINESS AND TRAVEL  
AGENCY BUSINESS) (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2010**

IN exercise of the powers conferred by section 34 of the Tourism Industry Act 1992 [*Act 482*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Tourism Industry (Tour Operating Business and Travel Agency Business) (Amendment) (No. 2) Regulations 2010**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2010.

**Amendment of regulation 9A**

2. Regulation 9A of the Tourism Industry (Tour Operating Business and Travel Agency Business) Regulations 1992 [*P.U. (A) 333/1992*] is amended—

- (a) in the marginal note, by inserting after the word “MATTA” the words “or any other associations of tour and travel agencies”;

- (b) in subregulation (1), by inserting after the word “(MATTA)” the words “or any other associations of tour and travel agencies recognized by the Commissioner”; and
- (c) in subregulation (2), by substituting for the word “MATTA” the words “the associations referred to in subregulation (1)”.

Made 8 July 2010  
[KPL/LA(R)9-2/1/J3 (20); PN(PU<sup>2</sup>)510/VII]

DATO' SRI DR. NG YEN YEN  
*Minister of Tourism*

**P.U. (A) 291.**

**AKTA PERIKANAN 1985**

**PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN (KAWASAN  
PERLINDUNGAN BAGI TIMUN LAUT) 2010**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 61(i) Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perikanan (Kawasan Perlindungan bagi Timun Laut) 2010**.

**Tafsiran**

2. “timun laut” ertinya haiwan invertebrat marin (tanpa tulang belakang) daripada spesies yang disenaraikan dalam Jadual Pertama termasuklah telur, benih atau anaknya.

**Kawasan perlindungan timun laut**

3. Kawasan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua yang berada dalam negeri yang dinyatakan dalam ruang (2) yang terletak di antara koordinat-koordinat yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual yang sama adalah ditubuhkan sebagai kawasan perlindungan timun laut.

**Larangan menangkap, mengganggu, dsb. timun laut**

4. (1) Tiada seorang pun boleh—
  - (a) memancing, mengganggu, mengusik, mengambil, mengalih, mengutip, memiliki, membunuh atau menangkap apa-apa timun laut di dalam kawasan perlindungan bagi timun laut;

- (b) mengalih, mengorek, memusnahkan apa-apa benda, sama ada bernyawa atau tidak bernyawa di dalam kawasan perlindungan bagi timun laut; atau
- (c) mendirikan apa-apa bangunan atau binaan lain di atas atau yang merintangai mana-mana tanah atau perairan di dalam kawasan perlindungan bagi timun laut.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh, dengan atau tanpa apa-apa syarat, memberikan kebenaran kepada mana-mana orang untuk membuat apa-apa aktiviti yang disebut dalam subperaturan itu.

### Anggapan

5. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, jika apa-apa timun laut dijumpai dalam milikan mana-mana orang di dalam kawasan perlindungan timun laut, timun laut itu hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, telah ditangkap di dalam kawasan perlindungan timun laut tanpa kebenaran yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

### Kesalahan

6. Mana-mana orang yang melanggar perenggan 4(1)(a), (b) atau (c), atau apa-apa syarat yang dikenakan dalam kebenaran yang diberikan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan 4(2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi seribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

### JADUAL PERTAMA (peraturan 2)

#### SPESIS TIMUN LAUT YANG DILINDUNGI

1. ***Stichopus* sp**  
*Stichopus horrens*  
*Stichopus chloronotus*  
*Stichopus hermanni*  
*Stichopus ocellata*
2. ***Holothuria* sp**  
*Holothuria fuscogilva*  
*Holothuria atra*  
*Holothuria ocellata*  
*Holothuria pardalis*  
*Holothuria vastus*
3. ***Thelenota anax***
4. ***Actinophyga* sp**

JADUAL KEDUA  
(peraturan 3)

KAWASAN PERLINDUNGAN BAGI TIMUN LAUT

(1) <i>Tempat</i>	(2) <i>Negeri</i>	(3) <i>Kawasan Perlindungan</i>
Pulau Singa Besar	Kedah	Perairan kelautan di antara Garis Lintang 06° 13.312' Utara, Garis Bujur 99° 45.068' Timur, hingga Garis Lintang 06° 14.067' Utara, Garis Bujur 99° 44.517' Timur, hingga ke Garis Lintang 06° 13.700' Utara, Garis Bujur 99° 44.318' Timur

Dibuat 10 Ogos 2010

[Prk. ML.11/01/02-1 Jld. 5(20); PN(PU<sup>2</sup>)160/XI]

DATUK SERI NOH BIN OMAR  
*Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

FISHERIES ACT 1985

FISHERIES (PROTECTED AREA FOR SEA-CUCUMBER) REGULATIONS 2010

IN exercise of the powers conferred by paragraph 61(i) of the Fisheries Act 1985 [Act 317], the Minister makes the following regulations:

**Citation**

1. These regulations may be cited as the **Fisheries (Protected Area for Sea-Cucumber) Regulations 2010**.

**Interpretation**

2. “sea-cucumber” means marine invertebrate animal (without back bone) from the species specified in the First Schedule including their egg, seed or fry.

**Protected area for sea-cucumber**

3. The area specified in column (1) of the Second Schedule situated in the state specified in column (2) which is located between the coordinate as stated in the column (3) of the same Schedule is established as protected area for sea-cucumber.

**Prohibition against catching, disturbing, etc. sea-cucumber**

4. (1) No person shall—

(a) catch, disturb, harass, take, remove, collect, possess, kill or capture any sea-cucumber in the protected area for sea-cucumber;

- (b) remove, dredge, destroy any object, whether animate or inanimate in the protected area for sea-cucumber; or
- (c) construct any building or other structure on or over any land or waters within the protected areas for sea-cucumber.

(2) Notwithstanding subregulation (1), the Director General may, with or without any condition, grant a permission to any person do any activity referred to in that subregulation.

### **Presumption**

5. For the purpose of these Regulations, if any sea-cucumber found in the possession of any person in the protected area for sea-cucumber, such sea-cucumber shall be presumed, unless the contrary is proven, to be caught in the protected area for sea-cucumber without permission issued under these Regulations.

### **Offence**

6. Any person who contravenes paragraph 4(1)(a), (b) or (c), or any conditions imposed in the permission granted by the Director General under subregulation 4(2) commits an offence and shall on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months.

#### FIRST SCHEDULE (regulation 2)

##### PROTECTED SPECIES OF SEA-CUCUMBER

1. ***Stichopus* sp**
  - Stichopus horrens*
  - Stichopus chloronotus*
  - Stichopus hermanni*
  - Stichopus ocellata*
2. ***Holothuria* sp**
  - Holothuria fuscogilva*
  - Holothuria atra*
  - Holothuria ocellata*
  - Holothuria pardalis*
  - Holothuria vastus*
3. ***Thelenota anax***
4. ***Actinophyga* sp**

SECOND SCHEDULE  
(regulation 3)

PROTECTED AREA FOR SEA-CUCUMBER

(1) <i>Location</i>	(2) <i>State</i>	(3) <i>Protected Area</i>
Pulau Singa Besar	Kedah	Maritime waters between Latitude 06° 13.312' North, Longitude 99° 45.068' East, to Latitude 06° 14.067' North, Longitude 99° 44.517' East, to Latitude 06° 13.700' North, Longitude 99° 44.318' East

Made 10 August 2010

[Prk. ML.11/01/02-1 Jld. 5(20); PN(PU<sup>2</sup>)160/XI]

DATUK SERI NOH BIN OMAR  
*Minister of Agriculture and Agro-based Industry*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA